

Dokumen awal perancangan penjagaan yang lazim diguna di Queensland

Arahan Kesihatan Awal (Advance Health Directive)



Ini adalah sebuah dokumen guaman yang menyatakan keputusan-keputusan anda dan akan mengarahkan penjagaan kesihatan masa hadapan anda dalam situasi-situasi tertentu pada ketika bila anda mungkin tidak akan dapat membuat keputusan atau berkomunikasi. Ia mesti ditandatangani doktor anda, seorang wakil guaman, dan disaksikan. Borang-borang berkenaan boleh didapati dari justice.qld.gov.au.

Surat Kuasa Wakil Kekal (Enduring Power of Attorney)



Ini adalah sebuah dokumen guaman yang melantik seorang atau beberapa orang pilihan anda untuk membuat keputusan penting bagi pihak anda bila anda sendiri tidak berupaya berbuat demikian. Ia mesti ditandatangani oleh seorang wakil guaman serta individu/para individu pilihan anda. Borang-borang berkenaan boleh didapati dari justice.qld.gov.au atau sila hubungi peguam anda atau pihak Pemegang Amanah Raya (Public Trustee).

Surat Akuan Pilihan (Statement of Choices)



Dokumen ini tertumpu pada kehendak, prinsip-prinsip pegangan dan kepercayaan anda. Ia boleh membantu mereka yang rapat dengan anda untuk membuat keputusan tentang penjagaan kesihatan anda bagi pihak anda, jika perlu. Ia akan memberikan ketenangan hati kepada anda dan mereka yang anda kasihi. Ia mesti ditandatangani oleh seorang doktor. Borang-borang berkenaan boleh didapati dari mycaremychoices.com.au, bincangkan dengan doktor (GP) anda, atau hubungi Pejabat Perancangan Awal Penjagaan (Office of Advance Care Planning).

Pejabat Perancangan Awal Penjagaan

Pejabat Perancangan Awal Penjagaan, Kesihatan Queensland (Queensland Health), ialah sebuah perkhidmatan percuma dan sulit bagi semua penduduk Queensland bagi membantu mereka dengan proses perancangan awal penjagaan, termasuk:

- Menyediakan pek dan borang maklumat perancangan awal penjagaan
- Menasihati anda tentang siapa yang anda perlu hubungi tentang perancangan awal penjagaan di kawasan tempatan anda
- Memasukkan salinan dokumen-dokumen perancangan awal penjagaan anda ke dalam rekod perubatan Kesihatan Queensland (Queensland Health) anda
- Menjawab semua pertanyaan mengenai perancangan awal penjagaan anda.

Sila hubungi Pejabat Perancangan Awal Penjagaan:

☎ 1300 007 227

📠 1300 008 227

✉ PO Box 2274, Runcorn Qld 4113

@ acp@health.qld.gov.au

🌐 mycaremychoices.com.au

Sebuah perkhidmatan jurubahasa disediakan semasa waktu pejabat untuk menyampaikan maklumat dan sumber-sumber maklumat mengenai perancangan awal penjagaan di Queensland:

Sila panggil 13 14 50



Interpreter

- Nyatakan bahasa pertuturan anda
- Minta untuk disambung ke Pejabat Perancangan Awal Penjagaan pada **1300 007 227**.

Penjagaan Saya, Pilihan Saya

Jika anda tiba-tiba tercedera atau jatuh sakit dengan teruk, bagaimana para kakitangan perubatan akan tahu apakah kehendak penjagaan kesihatan anda?



Perkasakan diri anda sendiri untuk merancang masa hadapan penjagaan kesihatan anda

mycaremychoices.com.au

OACP

Statewide Office of Advance Care Planning



Queensland
Government

Apakah itu perancangan awal penjagaan?



Perancangan awal penjagaan adalah proses untuk berfikir dan berkomunikasi tentang pilihan anda bagi penjagaan kesihatan masa hadapan anda. Rancangan awal penjagaan akan diguna dalam keadaan di mana anda tidak dapat bersuara untuk diri anda sendiri.

Perancangan awal penjagaan dibuat secara sukarela dan meliputi:

- Berfikir dan berbincang tentang pegangan-pegangan prinsip, pilihan penjagaan kesihatan dan pilihan mutu kehidupan anda dengan mereka yang anda percayai
- Melantik seorang individu, atau lebih, sebagai wakil pembuat keputusan untuk bersuara bagi pihak anda, jika perlu
- Menuliskan pilihan-pilihan penjagaan kesihatan anda ke dalam sebuah dokumen

Sama seperti membuat sebuah Surat Wasiat, perancangan awal penjagaan adalah sekadar sebahagian daripada perancangan untuk masa hadapan.

Mengapa anda patut merancang untuk masa hadapan?



Perancangan awal penjagaan boleh memastikan agar:

- Rawatan dan penjagaan yang anda akan terima mencerminkan kehendak anda
- Mereka yang anda kasihi akan tahu apa yang anda mahu jika mereka perlu membuat keputusan bagi pihak anda
- Keputusan penjagaan kesihatan tidak hanya dibuat cuma bila sesebuah krisis berlaku.

Sudah siap sedia untuk memulakan perancangan anda?

Langkah 1 - Bincang



la mungkin sukar untuk berbincang tentang apa yang anda mungkin mahu jika anda jatuh sakit dengan serius, tetapi ia mungkin akan memberikan anda, dan mereka yang anda kasihi, ketenangan hati jika mereka tahu kehendak anda.

Setelah berfikir tentang pilihan-pilihan penjagaan kesihatan masa hadapan anda:

- Bincangkan keadaan perubatan anda dengan doktor anda dan bagaimana ia mungkin akan membawa kesan kepada anda di masa hadapan
- Bercakaplah tentang pilihan penjagaan kesihatan anda bersama keluarga anda dan mereka yang rapat dengan anda
- Minta seorang individu/para individu yang anda percayai untuk menjadi wakil/para wakil pembuat keputusan anda, untuk membuat keputusan bagi pihak anda, jika perlu.

Langkah 2 - Rekod



Rekodkan pilihan dan keputusan anda dengan menyiapkan salah-satu atau lebih daripada dokumen-dokumen berikut:

- Arahan Awal Kesihatan
- Surat Kuasa Wakil Kekal
- Surat Akuan Pilihan

Muat turunkan dokumen-dokumen ini dengan percuma dari: mycaremychoices.com.au

Langkah 3 – Kongsi



Pastikan pendokumentasian kehendak penjagaan kesihatan anda diketahui dan disediakan kepada mereka yang menjaga anda.

Untuk berkongsi pilihan anda:

- Berikan salinan dokumen-dokumen anda kepada mereka yang anda percayai (misalnya, ahli keluarga, kawan rapat, wakil/para wakil pembuat keputusan anda,) dan penyedia kesihatan anda (contohnya doktor (GP))

DAN

- Berikan salinan dokumen-dokumen anda kepada Pejabat Perancangan Awal Penjagaan untuk dimasukkan ke dalam rekod perubatan Kesihatan Queensland (Queensland Health) anda (**sila lihat sebelah untuk pilihan**).
- Muat naik dokumen-dokumen anda ke dalam Rekod Kesihatan Saya (My Health Record) di myhealthrecord.gov.au

Langkah 4 – Semak Kembali



la penting untuk menyemak kembali dokumen-dokumen perancangan awal penjagaan anda secara berkala, khususnya jika status kesihatan anda berubah atau jika anda mengubah fikiran anda tentang pilihan penjagaan kesihatan anda.

